

Azam Haji Abas dipilih 3 APR 1988 Olahragawan Kelantan '87

B. Minggu (M)

PESILAT negara, Azam Haji Abas dipilih sebagai Olahragawan Kelantan 1987 apabila mengetepikan pencabar terdekat, bek kiri pasukan bolasepak kebangsaan, Salim Mahmood, di Stadium Sultan Mohammed Ke IV, Kota Bharu, malam Felmarin. *Malay Mail*

Baginda Sultan Kelantan berkenan berangkat untuk menyampaikan anugerah itu. Bagaimanapun tidak ada calon didapati layak memenangi anugerah Olahragawati Kelantan dan pasukan terbaik. Azam, 25 adalah penolong ketua pasukan silat olahraga Kelantan merangkap jurulatih kanan pasukan Seni Silat Terlak Empat Kelantan. *Malay Mail*

Selain memenangi Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan di Kuala Lumpur tahun lalu, dia juga memenangi pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta dan Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur.

Azam mula bergiat dalam silat sejak 1983. Dia mendapat galakan dan tunjuk ajar daripada seorang guru silat Terlak Empat, Mohd

Noor Mahmood atau dikenali dengan panggilan, Pak Su Noor. Selain piala pusingan, sijil dan trofi, Azam menerima hadiah wang tunai \$1,000 daripada Majlis Sukan Negeri Kelantan.

Ahli-ahli sukan lain yang dicalonkan ialah Salim Mahmood (bola-sepak), Mohd Raffidi Idris (hoki), Soo Yoke Foong (bola tampar), Azhar Daud (tenis), Ong Seng Yeow (badminton), Ooi Siong Hwa (bola keranjang), Syed Mohamad Syed Abdul Rahman (olahraga), Kamaruddin Hamat (sepak takraw), dan Mohd Nawi Haji Mamat (catur).

Daripada lima calon yang disenaraikan, tidak seorangpun didapati layak memenangi olahragawati. Bagaimanapun, ketua pasukan bola keranjang, Fang Suat Lim, menerima penghargaan khas.

Fang pernah terpilih sebagai Puteri Sukan MSSM anjuran Milo tahun lalu, dan mewakili negara ke Sukan SEA Jakarta.